

D748

U B693 AAB
KEMUNCAK - DEMOKRASI

I

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI MENGALU-ALUKAN PERUBAHAN YANG BERLAKU DI SELURUH DUNIA KE ARAH SISTEM DEMOKRASI TETAPI MEMBERI AMARAN TERHADAP DEMOKRASI DIANGGAP SEBAGAI SATU AGAMA SEPERTI KOMUNIS.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU SEKARANG AKAN MEMBERI KESAN BESAR KEPADA MASA DEPAN DUNIA, DAN TIDAK ADA BAHAGIAN DUNIA YANG TERKECUALI DARIPADA DILANDA PERUBAHAN ITU.

+MUJURNYA, KEBANYAKAN PERUBAHAN YANG BERLAKU ITU ADALAH UNTUK KEMUNDURAN SEMUA MANUSIA, KATANYA PADA PERASMIAN PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) DI BANGUNAN PARLIMEN, DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT, DEMOKRASI SEBAGAI SATU SISTEM MENJADI ALAT UNTUK MEMBEBAS MANUSIA DAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI ARAH HIDUP MEREKA, YANG KINI MENJADI SATU SISTEM YANG DISEMBAH.

DEMOKRASI TIDAK LAGI DIANGGAP SATU CARA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TETAPI SATU MATLAMAT DENGAN SENDIRINYA, KATANYA Sambil MEMPERSOALKAN SIKAP DEMOKRASI LIBERAL BARAT, YANG KINI TELAH MENJADIKAN DIRI MEREKA SEBAGAI PADERI BESAR DEMOKRASI YANG MENUNTUT YANG LAIN MEMATUHI PENTAFSIRAN KEPERCAYAAN MEREKA MENGENAI DEMOKRASI. -- LAGI
1348MST 01 06 90

U B694 AAB
KEMUNCAK - DEMOKRASI 2 KUALA LUMPUR

+SEKATAN DAN HALANGAN PERDAGANGAN SERTA KEMPEN-KEMPEN LIAR YANG MEMBEBAS LAGI GOLONGAN MISKIN DIGUNAKAN OLEH MEREKA SEBAGAI SENJATA UNTUK MEMAKSA ORANG LAIN YANG DIANGGAP TIDAK SETARAF DENGAN MEREKA, SUPAYA MENERIMA IDEA DEMOKRASI LIBERAL YANG MEREKA BAWA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi PERSIDANGAN KEMUNCAK SELAMA TIGA HARI ITU.

Kaedah yang mereka gunakan itu, katanya, hanya berbeza sedikit daripada strategi subversif komunis untuk cuba mengubah kepercayaan orang lain.

Beliau menunjukkannya kepada kumpulan-kumpulan penesak atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan oleh masyarakat di negara-negara barat yang kini menjadi semakin berkuasa dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, yang tidak berdaya ditentang oleh kebanyakan negara di selatan.

Beliau berkata, kumpulan-kumpulan ini telah menguasai media antarabangsa yang hampir tidak mempunyai belas kasihan kepada mangsa-mangsanya.

Ini membolehkan mereka menjejaskan eskport negara-negara membangun, dan dengan berbuat demikian mereka boleh menggunakan pengaruh mereka yang kuat itu untuk menyemai nilai-nilai demokrasi yang mereka cipta kepada orang lain. -- LAGI
1405MST 01 06 90

U B695 AAB
KEMUNCAK - DEMOKRASI 3 KUALA LUMPUR

+MALAHAN, IA HAMPIR SERUPA SEPERTI PENJAJAHAN DALAM BENTUK YANG LAIN. DAN SEPERTI PENJAJAHAN PADA MASA LAMPAU, NEGARA-NEGARA YANG DIJAJAH ITU MENDERITA TANPA SEBARANG PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN MEREKA,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI RAKYAT EROPAH TIMUR DAN REPUBLIK RUSIA YANG TELAH MENOLAK KUASA PEMUSATAN DAN MEMILIH DEMOKRASI LIBERAL, PERDANA MENTERI BERHARAP MEREKA TIDAK BERKHAYAL.

BELIAU PERCAYA BAHAWA DENGAN HANYA MENJADI DEMOKRATIK TIDAK AKAN MEMBEBAS MEREKA DARIPADA KEMISKINAN YANG DICIPTA OLEH PERANCANGAN EKONOMI PUSAT YANG MEREKA IKUTI SEBELUM ITU.

BELIAU BERKATA, KESTABILAN POLITIK DALAM DEMOKRASI MEMERLUKAN SATU TAHAP KEMAMPUAN YANG TINGGI DI KALANGAN RAKYAT, DAN RAKYAT PERLU MEMPERTAHKAN AMALAN KEBEBASAN DEMOKRATIK SEKIRANYA MEREKA MAHU MENDAPAT FAEDAH DARIPADA DEMOKRASI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MASYARAKAT SELATAN BERHARAP SUPAYA MASYARAKAT DI EROPAH TIMUR MENDAPAT KESEJAHTERAAN KERANA KEKAYAAN MEREKA BOLEH MENYUMBANG KEPADA KEMEWAHAN BERSAMA. -- LAGI
1426MST 01 06 90

0759

U B696 AAB
KEMUNCAK - DEMOKRASI 4 KUALA LUMPUR

TETAPI PERDANA MENTERI BERKATA, PADA KETIKA SELATAN INGIN MELIHAT MEREKA BERJAYA, NEGARA-NEGARA SELATAN JUGA INGIN TAHU APAKAH BANTUAN, PINJAMAN DAN TABUNG PELABURAN AKAN DIHALAKAN DARIPADA SELATAN SEMATA-MATA UNTUK MEMBANTU MASYARAKAT DI EROPAH TIMUR.

BELIAU BERTANYA: +ATAU ADAKAH TAMBAHAN (BANTUAN) DAN TABUNG BERASINGAN DISEDIAKAN UNTUK MEREKA. KAMI BIMBANG WALAUPUN JAMINAN BERULANG-ULANG DIBERIKAN, DAN SAYA RASA KAMI MEMPUYAI SEBAB UNTUK BERASA BIMBANG+.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA APABILA BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN DI ASIA TIMUR MENCAPAI KEMAJUAN EKONOMI, MEREKA DISENARAIKAN SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC) DAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN TERHALANG OLEH PENGANAAN PELBAGAI SEKATAN.

+APAKAH NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR AKAN JUGA DILABELKAN SEPERTI ITU DAN SEKATAN-SEKATAN SERUPA DIKENAKAN APABILA MEREKA MENCAPAI TAHAP PERTUMBUHAN SEPERTI YANG DIALAMI OLEH NIC DI ASIA,+?+ TANYA BELIAU, DAN MENAMBAH KATA, +SAYA BERHARAP KAMI AKAN MENDAPAT JAWAPAN (BAGI PERKARA ITU DARIPADA NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN 6-7). --
BERNAMA

1443MST 01 06 90